

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

**TARIKH JAWAPAN : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah rancangan dan langkah segera Kementerian untuk menggantikan paip air usang dan bocor yang dijangka sepanjang 43,890 KM demi mengatasi masalah kebocoran air dan "*non revenue water*" yang mencatat kadar purata setinggi 31%.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan data *Malaysia Water Industry Guide (MWIG) 2014*, paip usang daripada jenis *asbestos cement (AC)* yang perlu diganti di seluruh negara ialah sepanjang 43,390km. Anggaran peruntukan yang diperlukan untuk menggantikan kesemua paip ini ialah RM11 bilion. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Sepuluh, sebanyak RM975.37 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Perancangan juga telah dibuat untuk menyediakan peruntukan bagi penggantian paip yang terlalu usang dan kritikal di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas.
2. Namun demikian, jumlah peruntukan yang diperlukan untuk menggantikan paip usang di seluruh negara adalah terlalu besar untuk ditampung melalui bajet pembangunan. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negara supaya operator-operator air mendapat pembiayaan bagi pembangunan infrastruktur bekalan air termasuk penggantian paip usang, melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

3. Walaupun kebocoran paip-paip usang menjadi faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar air tidak berhasil atau *non revenue water* (NRW), terdapat faktor-faktor penyumbang yang lain seperti kerja-kerja penyambungan paip retikulasi yang tidak sempurna, meter uzur atau rosak, kecurian akibat sambungan haram dan penyelenggaraan sistem bekalan air yang tidak baik. Oleh itu, pendekatan yang menyeluruh dan holistik perlu dilaksanakan bagi memastikan kadar NRW dapat diturunkan dengan berkesan.
